



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Bidan (Pindaan dan Perluasan) 1988
DR.22/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bidan 1966 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta, sebagaimana dipinda, ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

[PARLIMEN]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bidan (Pindaan dan Perluasan) 1988 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.
Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Bidan 1966 (sebagaimana dipinda oleh Akta ini) hendaklah dan adalah dengan ini diperluaskan untuk dipakai di seluruh Malaysia.
Perluasan. 54/66.
3. Seksyen 1 Akta Bidan 1966, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "adalah terpakai bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu sahaja" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "hendaklah terpakai di seluruh Malaysia".
Pindaan seksyen 1.

Pindaan
seksyen 2.

4. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas takrif “juru-rawat” takrif-takrif baru yang berikut:

“jururawat kesihatan luar bandar” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan yang memperakukan bahawa orang tersebut telah menjalani suatu kursus latihan bagi jururawat kesihatan luar bandar dan telah lulus peperiksaan yang diselenggarakan oleh Lembaga;

“jururawat luar bandar” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan yang memperakukan bahawa orang tersebut telah menjalani suatu kursus latihan bagi jururawat luar bandar dan telah lulus peperiksaan yang diselenggarakan oleh Lembaga;

“jururawat masyarakat” ertinya seseorang yang memegang suatu perakuan yang memperakukan bahawa orang tersebut telah menjalani suatu kursus latihan bagi jururawat masyarakat dan telah lulus peperiksaan yang diselenggarakan oleh Lembaga;”;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “kecemasan” takrif baru yang berikut:

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;”;

- (c) dengan memasukkan selepas takrif “Menteri” takrif-takrif baru yang berikut:

“pegawai diberikuasa” ertinya seseorang pegawai yang diberikuasa di bawah subseksyen (1) seksyen 19A;

“pengamal perubatan berdaftar” ertinya seseorang pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971.’; dan

(d) dengan memotong takrif “Pihak Berkuasa Penyeliaan Tempatan”.

5. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (i) hingga (vii) subseksyen (1) dengan perenggan-perenggan baru yang berikut: Pindaan seksyen 3.

“(i) Ketua Pengarah, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(ii) Ketua Penyelia Jururawat, Kementerian Kesihatan, yang hendaklah menjadi Setiausaha;

(iii) Penolong Ketua Penyelia Jururawat (Kesihatan);

(iv) Penolong Ketua Penyelia Jururawat (Latihan);

(v) empat orang pengajar bidan yang akan dilantik oleh Menteri mewakili yang berikut:

(a) pengajar bagi latihan jururawat bidan pelatih;

(b) pengajar bagi latihan bidan pelatih;

(c) pengajar bagi latihan jururawat luar bandar; dan

(d) pengajar bagi latihan jururawat masyarakat atau jururawat kesihatan luar bandar;

(vi) tiga orang jururawat yang akan dilantik oleh Menteri mewakili yang berikut:

(a) Penyelia-Penyelia Jururawat Negeri;

(b) Penyelia-Penyelia Jururawat Kesihatan; dan

(c) hospital-hospital atau unit-unit bersalin;

- (vii) dua orang bidan yang akan dilantik oleh Menteri mewakili yang berikut:
 - (a) bidan yang didaftarkan di bawah Bahagian II Daftar; dan
 - (b) bidan yang didaftarkan di bawah Bahagian III Daftar;
- (viii) dua orang pengamal perubatan dalam perkhidmatan awam yang akan dilantik oleh Menteri mewakili yang berikut:
 - (a) Pengarah-Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri; dan
 - (b) Ahli-ahli Obstetrik; dan
- (ix) dua orang pengamal perubatan berdaftar yang akan dilantik oleh Menteri mewakili yang berikut:
 - (a) Majlis Perubatan Malaysia; dan
 - (b) Persatuan Perubatan Malaysia.”.

Pindaan
seksyen 5.

6. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (b) subseksyen 2 dengan perenggan (b) baru yang berikut:
 - “(b) tak sempurna akal atau oleh sebab sesuatu kelemahan lain bukanlah, pada pendapat Lembaga, seorang orang yang layak untuk terus berada dalam Daftar; atau”;
- (b) dengan menggantikan koma bernoktah dan perkataan “atau” di hujung perenggan (c) subseksyen (2) dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong perenggan (d), (e) dan (f) subseksyen (2).

7. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 6.

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “Daftar” dan “merayu” dalam subseksyen (1) masing-masingnya perkataan-perkataan “di bawah subseksyen (2) seksyen 5” dan “secara bertulis”;

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) Menteri boleh, dalam menimbang-kan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (1), mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan yang dirayukan itu.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) yang berikut:

“(3) Mana-mana orang yang namanya telah dipotong dari Daftar menurut subseksyen (2) seksyen 5 hendaklah, jika rayuannya dibenarkan, dengan serta-merta dimasukkan semula dan dikeluarkan suatu perakuan pendaftaran baru oleh Lembaga; dan fakta pemasukan semula itu hendaklah disiarkan dalam *Warta* dalam masa tiga puluh hari dari pemasukan semula itu.”.

8. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia” dengan perkataan-perkataan “Ketua Penyelia Jururawat, Kementerian Kesihatan”.

Pindaan
seksyen 9.

9. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 10.

(a) dengan menggantikan perkataan “dua” dalam subseksyen (2) dengan perkataan “empat”;

(b) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a) subseksyen (2);

- (c) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (b) subseksyen (2) dengan koma bernoktah; dan
- (d) dengan memasukkan selepas perenggan (b) subseksyen (2) perenggan baru (c) dan (d) yang berikut:
 - “(c) Bahagian III, mengandungi nama, alamat, kelayakan dan lain-lain butir mana-mana orang yang dinyatakan dalam subseksyen (3) seksyen 11; dan
 - (d) Bahagian IV, mengandungi nama, alamat, kelayakan dan lain-lain butir mana-mana orang yang memiliki kelayakan yang dinyatakan dalam subseksyen (4) seksyen 11.”.

Pindaan
seksyen 11.

10. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3) dan (4) yang berikut:

“(3) Mana-mana jururawat luar bandar, jururawat masyarakat dan jururawat kesihatan luar bandar adalah layak untuk menjalankan amalan sebagai bidan di bawah Bahagian III Daftar.

(4) Mana-mana orang yang, dalam masa sepuluh tahun dari mula berkuatkuasanya subseksyen ini, memuaskan hati Pendaftar bahawa dia, dalam tempoh dua tahun sebaik sahaja sebelum permohonan bagi pendaftaran di bawah Bahagian IV Daftar, telah membantu perempuan semasa kelahiran anak semata-mata mengikut cara Melayu, China, India atau lain-lain cara keaslian di bawah penyeliaan mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Bahagian I, II atau III Daftar, dan adalah orang yang layak dan sesuai untuk menjalankan amalan sebagai bidan, adalah layak untuk menjalankan amalan sebagai bidan di bawah Bahagian IV Daftar.”.

11. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas BAHAGIAN IV, BAHAGIAN IVA baru yang berikut:

Bahagian IVA baru.

BAHAGIAN IVA

TINDAKAN TATATERTIB

Bidang kuasa tatatertib Lembaga.

13A. (1) Lembaga hendaklah mempunyai bidang kuasa tatatertib ke atas semua orang yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Lembaga boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas mana-mana orang berdaftar yang—

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain;
- (b) adalah, pada pendapat Lembaga, bersalah kerana kelakuan tak senonoh atau kecuiaan melampau;
- (c) telah mendapatkan pendaftaran melalui fraud atau salah nyataan;
- (d) tidak berhak didaftarkan pada masa dia didaftarkan; atau
- (e) adalah atau telah diperakukan sebagai penagih dadah oleh seorang pegawai perubatan kerajaan atau pengamal perubatan berdaftar di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Akta 283.

Hukuman tatatertib.

13B. (1) Pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, Lembaga boleh mengenakan mana-mana daripada hukuman yang berikut:

- (a) memerintahkan supaya nama orang berdaftar itu dipotong dari Daftar;

- (b) memerintahkan supaya nama orang berdaftar itu digantung dari Daftar selama sesuatu tempoh yang difikirkannya patut;
- (c) memerintahkan supaya orang berdaftar itu dicela; atau
- (d) membuat mana-mana perintah yang tersebut di atas tetapi menggantung pelaksanaannya, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Lembaga, bagi suatu tempoh, atau tempoh-tempoh yang pada agregatnya, tidak melebihi dua tahun.

Rayuan
terhadap
perintah
Lembaga.

13c. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa perintah yang dibuat terhadapnya oleh Lembaga pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya boleh, dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu dibuat, merayu secara bertulis kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, semasa menimbangkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (1), mengesahkan, mengakaskan atau mengubah perintah yang dirayukan itu.

(3) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad.

Penyerahan
balik
perakuan,
perakuan
amalan
tahunan
dan lencana.

13D. Mana-mana orang yang namanya telah dipotong atau digantung dari Daftar di bawah seksyen 13B hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas orang itu diberitahu melalui pos berdaftar tentang pemotongan atau penggantungan itu, menyerahkan balik kepada Lembaga perakuan pendaftaran, perakuan amalan tahunan dan lencana yang dikeluarkan kepada orang itu di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

Pemasukan semula nama dalam Daftar.

13E. (1) Tiada seorang pun yang namanya telah dipotong dari Daftar di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (a) seksyen 13B adalah selepas itu berhak didaftarkan sebagai seorang bidan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini, tetapi Lembaga boleh, jika bagaimanapun difikirkannya patut berbuat demikian, atas permohonan orang yang berkenaan itu, memerintahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula dalam Daftar; dan jika nama seseorang telah digantung dari Daftar di bawah perenggan (b) seksyen itu, maka orang itu adalah berhak selepas tamat tempoh itu, tetapi tidak terdahulu daripada itu, memohon supaya perakuan pendaftaran dan perakuan amalan tahunan (jika tempoh yang baginya ia dikeluarkan masih belum tamat) dikembalikan kepadanya.

(2) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara atau bentuk dan disertai dengan apa-apa dokumen, gambarfoto, butir dan fee sebagaimana yang ditetapkan.”.

12. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (2).

Pindaan seksyen 14.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 14, seksyen baru 14A yang berikut:

Seksyen baru 14A.

“Pengecualian daripada seksyen 14.

14A. Subseksyen (1) seksyen 14 tidaklah, sehingga tamatnya tempoh sepuluh tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya seksyen ini, terpakai bagi seseorang yang, dengan tujuan untuk mendapatkan pengalaman yang dikehendaki supaya berhak didaftarkan di bawah Bahagian IV Daftar, membantu perempuan semasa kelahiran anak di bawah penyeliaan seorang bidan yang didaftarkan di bawah Bahagian I, Bahagian II atau Bahagian III Daftar.”.

Pindaan
seksyen 16.

14. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “dan Pihak Berkuasa Penyeliaan Tempatan Negeri di mana dia bertujuan menjalankan amalan”.

Pindaan
seksyen 19.

15. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 19 dengan seksyen 19 baru yang berikut:

“Kuasa-
kuasa
dan tugas-
tugas
Ketua
Pengarah.

19. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjalankan penyeliaan umum ke atas semua bidan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh mewakili kuasanya di bawah seksyen ini secara bertulis kepada mana-mana orang atau orang-orang yang disifatkannya layak.

(3) Ketua Pengarah boleh buat sementara waktu menggantung mana-mana bidan daripada menjalankan amalan perbidanan jika dia berpendapat bahawa penggantungan itu adalah perlu untuk mencegah merebaknya jangkitan.”.

Seksyen
baru 19A.

16. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19, seksyen baru 19A yang berikut:

“Perlantikan
dan kuasa-
kuasa
pegawai di-
berikuasa.

19A. (1) Ketua Pengarah boleh memberikuasa secara bertulis kepada mana-mana pegawai awam untuk menjalankan kuasa-kuasa seseorang pegawai diberikuasa di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan pada bila-bila masa yang munasabah mana-mana perkara yang berikut, iaitu—

(a) menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

- (b) menyiasat pertuduhan-pertuduhan amalan salah, kecuaiian atau salah laku di pihak mana-mana bidan yang menjalankan amalan di mana-mana kawasan dan mengemukakan suatu laporan bertulis mengenai penyiasatan itu kepada Lembaga;
 - (c) memasuki, menggeledah dan memeriksa mana-mana premis yang di dalamnya pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah atau sedang dilakukan dan memeriksa, memindahkan dan menahan apa-apa benda, buku, dokumen, kelengkapan, alatan, bahan atau apa-apa artikel lain yang dijumpai di dalamnya yang pada pendapat pegawai itu mungkin menzahirkan keterangan tentang perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (3) Pada menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen ini, pegawai diberikuasa hendaklah bila diminta mengemukakan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak itu pemberikuasaan yang diberikan kepadanya oleh Ketua Pengarah.
- (4) Seseorang pegawai diberikuasa yang menjalankan penyiasatan di bawah sub-seksyen (2) boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang dijangkakan faham benar dengan fakta-fakta dan hal-hal keadaan kes itu.
- (5) Orang yang sedemikian hendaklah terikat untuk menjawab segala soalan yang

berhubungan dengan kes yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai tersebut:

Dengan syarat bahawa orang itu boleh menolak untuk menjawab apa-apa soalan jika pegawai tersebut tidak atau enggan bila diminta mengemukakan kepadanya pemberikuasaan yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada pegawai itu di bawah subseksyen (1) dan bahawa orang itu boleh menolak untuk menjawab apa-apa soalan yang jawapannya mungkin akan mempunyai kecondongan untuk mendedahkannya kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti.

(6) Seseorang yang membuat suatu pernyataan di bawah seksyen ini hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai menjawab soalan-soalan.

(7) Seseorang pegawai diberikuasa yang memeriksa seseorang di bawah subseksyen (4) hendaklah mula-mula sekali memberitahu orang itu akan peruntukan-peruntukan subseksyen (5) dan (6).

(8) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, bilamasa mungkin, diubahkan dalam bentuk bertulis dan, selepas ia telah dibacakan kepada orang itu dalam bahasa yang dibuatnya dan dia telah diberikan peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang diingini, hendaklah ditandatangani olehnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya.

(9) Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang menjaga mana-mana premis yang dimasuki oleh seseorang pegawai diberikuasa menurut perenggan (c) subseksyen (2), atau

mana-mana orang yang dijumpai di dalamnya, yang tidak memberi kepada pegawai diberikuasa itu segala bantuan yang munasabah dalam kuasanya atau memberi kepadanya segala maklumat yang dikehendakinya dengan semunasabahnya, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda dan dipenjara kedua-duanya.

(10) Mana-mana orang yang menggalang atau menghalang mana-mana pegawai diberikuasa dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda dan dipenjara kedua-duanya.

(11) Mana-mana pegawai diberikuasa boleh hadir di mahkamah dan menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini.”.

17. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 21.

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) yang dinomborkan semula itu subseksyen baru (2) yang berikut:

“(2) Ordinan Bidan bagi Sabah dan Ordinan Bidan bagi Sarawak adalah dimansuhkan.”

Sabah
Bab 78.
Sarawak
Bab 113.

18. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21, seksyen baru 21A yang berikut:

Seksyen
baru 21A.

“Kecualian. 21A. Atas pemansuhan Ordinan-Ordinan yang dinyatakan dalam subseksyen (2)

seksyen 21 nama bidan-bidan atau orang-orang lain yang disimpan di bawah Ordinan-Ordinan termansuh itu hendaklah dipindahkan dan dimasukkan (dan sehingga hal itu dilakukan, hendaklah disifatkan telah dipindahkan dan dimasukkan) ke dalam mana-mana bahagian Daftar sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bidan 1966 untuk memperluaskan penguatkuasaan Akta itu sebagaimana dipinda ke semua bahagian dalam Malaysia.

2. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 1 Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pemakaian Akta di seluruh Malaysia.

3. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memperkenalkan takrif-takrif “jururawat kesihatan luar bandar”, “jururawat luar bandar”, “jururawat masyarakat”, “Ketua Pengarah”, “pegawai diberikuasa” dan “pengamal perubatan berdaftar” dan memotong takrif “Pihak Berkuasa Penyeliaan Tempatan”.

4. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 3 Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menambahkan bilangan anggota Lembaga.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 5 Akta dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan (b) baru dan memotong perenggan (d), (e) dan (f). Perenggan (b) baru mengadakan peruntukan mengenai kuasa-kuasa Lembaga untuk memotong dari Daftar nama seseorang yang didapati tak sempurna akal atau yang tak layak terus berada dalam Daftar oleh sebab sesuatu kelemahan lain. Pemotongan perenggan (d) hingga (f) seksyen itu adalah berbangkit daripada pengenalan Bahagian IVA baru ke dalam Akta.

6. *Fasal 7 (a)* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 6 Akta yang berkehendakkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen itu hendaklah dibuat secara bertulis. *Fasal 7 (b)* bertujuan memperkenalkan subseksyen baru (1A) dan (3) ke dalam Akta. Subseksyen baru (1A) bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kuasa Menteri, dalam pendengaran sesuatu rayuan, untuk mengesahkan, mengubah atau mengakaskan keputusan yang dirayukan itu. Subseksyen baru (3) memperuntukkan

bahawa seseorang yang rayuannya dibenarkan hendaklah dengan serta-merta dimasukkan semula namanya dan dikeluarkan kepadanya suatu perakuan pendaftaran yang baru.

7. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 9 Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perlantikan Ketua Penyelia Jururawat sebagai Pendaftar Lembaga menggantikan Ketua Pengarah.

8. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 10 Akta untuk memperkenalkan dua Bahagian yang baru, iaitu Bahagian III dan Bahagian IV, ke dalam Daftar Bidan yang disenggarai di bawah Akta.

9. *Fasal 10* bertujuan memperkenalkan subseksyen baru (3) dan (4) dalam seksyen 11 dengan menyebutkan orang-orang yang masing-masingnya layak didaftarkan di bawah Bahagian III dan Bahagian IV yang baru dalam Daftar itu.

10. *Fasal 11* bertujuan memperkenalkan Bahagian IVA yang baru ke dalam Akta, yang mengandungi seksyen 13A hingga 13E, mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara berkenaan dengan prosiding tatatertib. Seksyen baru 13A dan 13B mengadakan peruntukan mengenai hal-keadaan dalam mana Lembaga boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib dan hukuman yang boleh dijatuhkannya. Seksyen baru 13C memperuntukkan jalan membuat rayuan kepada Menteri terhadap keputusan Lembaga dan subseksyen (3) seksyen itu menetapkan bahawa keputusan Menteri adalah muktamad. Seksyen baru 13D bertujuan menghendaki mana-mana orang yang nama mereka telah dipotong dari Daftar supaya menyerahkan balik perakuan pendaftaran mereka itu dan juga perakuan amalan tahunan yang dikeluarkan kepada orang itu. Prosedur bagi memasukkan semula nama yang telah dipotong dari Daftar ada diperuntukkan dalam seksyen baru 13E.

11. *Fasal 13* bertujuan memperkenalkan seksyen baru 14A ke dalam Akta untuk membolehkan orang-orang yang tidak didaftarkan di bawah Akta membantu perempuan semasa kelahiran anak di bawah penyeliaan bidan berdaftar dengan tujuan untuk mendapatkan pengalaman yang ditetapkan supaya berhak didaftarkan di bawah Akta.

12. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 16 Akta. Dengan pindaan ini, seseorang yang bercadang hendak menjalankan amalan perbidanan tidaklah perlu lagi memberitahu Pihak Berkuasa Penyeliaan Tempatan tentang cadangannya itu.

13. *Fasal 15* bertujuan menggantikan seksyen 24 yang sedia ada dengan satu peruntukan baru untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa-kuasa Ketua Pengarah untuk menjalankan penyeliaan umum ke atas semua badan yang menurut peruntukan-peruntukan yang sedia ada terletaklah pada Pihak Berkuasa Penyeliaan Negeri.

14. *Fasal 16* bertujuan memperkenalkan seksyen baru 19A ke dalam Akta untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara mengenai penguatkuasaan. Perkara-perkara seperti perlington pegawai diberikuasa, kuasa untuk masuk dan menggeledah premis dan kuasa-kuasa menjalankan penyiasatan ada diperuntukkan secara terperinci dalam seksyen baru ini. Seksyen ini juga bertujuan membenarkan seseorang pegawai diberikuasa untuk menjalankan pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan di bawah Akta.

15. *Fasal 17* bertujuan memansuhkan Ordinan Bidan Sabah dan Ordinan Bidan Sarawak yang berbangkit daripada peluasan Akta ke kedua-dua Negeri itu.

16. *Fasal 18* ialah peruntukan kecualian untuk membolehkan nama-nama badan di bawah Ordinan-Ordinan termansuh itu dipindahkan dan dimasukkan ke dalam bahagian yang relevan dalam Daftar yang disimpan di bawah Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1399.]